

**"Sabar
saudara...
jangan
gopoh nak
jadi 'Tuan'",
kata Dr. M**

jatuh maruah, misalnya) tapi mahu menjadikan dirinya pemandu motokar "sports" mahal dan laju, tanpa menjalani latihan selaku pemegang lesen "L" terlebih dahulu, pemandu yang "gopoh" dan tidak sabar itu tentu sekali akan berakhir di dalam longkang. Dan kalau tak kena gayanya mungkin patah tulang berlakung dan dengan itu tidak lagi akan berpeluang memandu bagi selama-lamanya.

"JANGAN gopoh nak jadi kaya: Dr. M", kata sebuah kepala muka hadapan Berita Harian September 4, 1981. Berita berikutan berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan pengusahapengusaha Bumiputera, jangan terlalu gopoh ingin menjadi 'tuan' dalam sesuatu perniagaan.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, bekerja dengan orang lain walau dari apa bangsa sekalipun adalah tidak hina asalkan pekerjaan itu boleh mendatangkan pengalaman yang berguna.

Bellau yakin, bekerja dengan perusahaan milik orang lain adalah satu jalan dan panduan bagi memudahkan mereka mengetahui selok belok perusahaan yang bakal ditubuhkan kelak.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Komen Penulis:

Memang benar dan tepat sekali nasihat Dr. M itu, kerana seperti kita semua tahu bahawa kalau seseorang hendak menjadi pemandu motokar sekalipun yakni, pemandu cekap dan "panjang umur," orang itu (tanpa mengira taraf atau kedudukan sosialnya) mesti bersedia bergurukan kepada seorang pemandu yang berpengalaman dan berlesen. Kalau orang itu tidak sedia berbuat demikian (kerana takut